

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PERSATUAN PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (PPUMS)
KALI KE- 12 TAHUN 2018**

Tarikh : 4 April 2018 (Rabu)
Masa : 09.00 pagi
Tempat : Dewan Bankuasi, Dewan Canselor

Ahli-Ahli Yang Hadir

Pengerusi

1. Puan Muhajirah Bt. Muchlis

Jawatankuasa Eksekutif:

- | | |
|--------------------------------------|--------------------------------------|
| 2. En. Azmi Jumat | Presiden |
| 3. En. Suhaimie Sahabuddin | Timbalan Presiden |
| 4. Pn. Alna Tugon | Setiausaha |
| 5. Pn. Noorisah Taljid | Penolong Setiausaha |
| 6. En. Al-Hami Zurairi Yahya Mahmood | Bendahari |
| 7. Pn. Hannah Chan | Penolong Bendahari |
| 8. Pn. Awina Kamis (K) | Biro Latihan dan Pembangunan Kerjaya |
| 9. En. Eldeon Baptist | Biro Latihan dan Pembangunan Kerjaya |
| 10. En. Adzmil Abidin | Biro Latihan dan Pembangunan Kerjaya |
| 11. En. Tauffeck Hj. Guntok (K) | Biro Sukan dan Rekreasi |
| 12. En. Hinmin Chiam Tah kong | Biro Sukan dan Rekreasi |
| 13. En. Mohd Hazwan Hassan | Biro Sukan dan Rekreasi |
| 14. En. Haslan Roslie | Biro Sukan dan Rekreasi |
| 15. En. Md. Sazali Md Salleh (K) | Biro Kebajikan dan Khidmat Sosial |
| 16. En. Abdul Haidy Abd Hamid | Biro Kebajikan dan Khidmat Sosial |
| 17. En. Slyvencent Pokhan | Biro Kebajikan dan Khidmat Sosial |
| 18. En. Izham Abu Bakar (K) | Biro Penerangan dan Publisiti |
| 19. En. Abd Latif Matali | Biro Penerangan dan Publisiti |
| 20. Pn. Arvina Mathew | Biro Penerangan dan Publisiti |
| 21. Pn. Rosnitah Gumpar | Biro Penerangan dan Publisiti |

Jawatankuasa Eksekutif (Tidak Hadir):

- | | |
|-----------------------------|--------------------------------------|
| 22. En. Mohd. Fadzli Sarudi | Biro Latihan dan Pembangunan Kerjaya |
| 23. Pn. Norisah Danial | Biro Kebajikan dan Khidmat Sosial |
| 24. Pn. Halley Misson | Pemeriksa Kira-kira |
| 25. En. Syukry Mohd Sidek | Pemeriksa Kira-kira |

Pencatat Minit

26. En. Najamuddin Bin Abdul Basri
27. Pn. Kim Asbiyallah Shah Akim

Ahli Hadir

Seperti dalam Lampiran 1

Ahli Tidak Hadir

Seperti dalam Lampiran 2

1.0 MINIT 1/1/2018/12 ALUAN Pengerusi

Mesyuarat mengambil maklum:

- 1.1 Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Universiti Malaysia Sabah Kali ke-12 Tahun 2018.

[Makluman: Semua Ahli]

2.0 MINIT 2/1/2018/12 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-11 diterima tanpa pindaan dengan disahkan oleh En. Muhin Haji dan disokong oleh En. Yusup Laupe.

[Makluman: Semua Ahli]

3.0 MINIT 3/1/2018/12 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Mesyuarat mengambil maklum :

- 3.1 Kehadiran ahli PPUMS bagi sesi taklimat mengenai mewujudkan insurans berkelompok kepada ahli adalah kurang memberansangkan, dan justifikasi ini diperjelaskan kerana kebanyakan ahli telah mempunyai insurans.
- 3.2 Bayaran melalui pemotongan gaji sebanyak RM 5 setiap kali ada ahli keluarga yang meninggal dunia dan surat pemakluman pemotongan telah dikeluarkan pada 20hb Mac 2018 dan akan dilaksanakan pada April, Mei dan Jun selama tiga (3) bulan.
- 3.3 Cadangan kuasa tambahan kewangan untuk tujuan pelaburan dan penjanaan UMS telah terlaksana. Dan kuasa tambahan bagi hapuskira hutang PPUMS akan dilaksanakan pada tahun ini.
- 3.4 Penjenamaan semula nama persatuan telah dibawa dalam Mesyuarat Agung Tahunan PPUMS kali Ke-10 dan pada 8 Jun 2017 pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia telah meluluskan nama persatuan adalah "Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Universiti Malaysia Sabah" (PPUMS).
- 3.5 Pendaftar UMS berharap PPUMS dapat membuat aktiviti bagi meningkatkan halatuju kompetensi pegawai-pegawai dan berharap aktiviti seperti perkongsian ilmu dapat diteruskan oleh pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Mesyuarat bersetuju:

- 3.6 Proses pemilihan barisan AGM baharu beserta dengan senarai AJK akan dimasukkan kedalam minit Mesyuarat Agung Tahunan PPUMS pada minit kali ke 11.

[Tindakan: Setiausaha/ Penolong Setiausaha]

- 3.7 Gambar-gambar yang di ambil untuk diterbitkan dalam "Coffee Table Book" perlu diambil oleh jurufoto professional daripada UMS.

- 3.8 Cadangan untuk menerbitkan "Coffee Table Book" secara atas talian bagi menjimatkan kos penerbitan dan melalui pautan e-books semua ahli dapat mengakses walau dimana keberadaan ahli ketika itu.

[Tindakan: Jawatankuasa Buku Coffee Table PPUMS]

- 3.9 Kupu-Kupu bersama Datuk Naib Canselor dipohon dibuat sebelum bulan Ramadhan.

[Tindakan: Setiausaha/ Penolong Setiausaha]

4.0 MINIT 4/1/2018/12 PEMBENTANGAN LAPORAN TAHUNAN 2017/2018 SETIAUSAHA PPUMS

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju:

- 4.1 Menerangkan Objektif penubuhan PPUMS. Seperti dalam lampiran.
- 4.2 Menerangkan portfolio Jawatankuasa Tertinggi PPUMS Sesi 2017/2019. Seperti dalam lampiran.
- 4.3 Menerangkan aktiviti-aktiviti PPUMS dari Bulan Julai 2017 sehingga April 2018 (Lampiran A) dan penglibatan PPUMS dalam aktiviti-aktiviti peringkat Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Malaysia (MASTI) 2017/2019 (Lampiran B). Seperti dalam lampiran
- 4.4 Jumlah keahlian PPUMS bermula 2015 sehingga 2018 adalah sebanyak 227 orang yang telah berdaftar.
- 4.5 Struktur Organisasi PPUMS adalah seperti dalam lampiran.

[Makluman: Semua Ahli]

5.0 MINIT 5/1/2018/12 PEMBENTANGAN JAWATANKUASA KEWANGAN OLEH BENDAHARI PPUMS

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa :

- 5.1 Penyata Pendapatan : Lampiran A
- 5.2 Penyata Kewangan : Lampiran B

5.3 PPUMS disyorkan mana-mana lebih dana didalam tabung perlu dilaburkan.

Mesyuarat bersetuju :

5.4 Penganjuran *Dinner PPUMS* sekaligus membuat penjualan tiket (meja) bagi menambah dana kepada tabung.

[Tindakan: Bendahari/ Penolong Bendahari]

6.0 MINIT 6/1/2018/12

PEMBENTANGAN USUL

Mesyuarat mengambil maklum :

6.1 Cadangan Peraturan-peraturan Tabung PPUMS:

- a) Mencadangkan agar peraturan yang sedia ada diselaraskan dengan Tabung Khairat Kematian.
- b) Mencadangkan peraturan fasa 9 dibatalkan dan digantikan dengan Tabung Khairat Kematian dengan potongan RM 5.00 seorang ahli (sekiranya ahli atau ahli keluarga terlibat dengan kemalangan dan lain-lain).

Mesyuarat bersetuju :

6.2 Menerima Peraturan-Peraturan Tabung Kebajikan PPUMS.

[Tindakan: Setiausaha/ Penolong Setiausaha]

7.0 Minit 7/1/2018/12

Ucapan Penangguhan Mesyuarat

Presiden menyampaikan kepada ahli:

- 7.1 PPUMS berusaha untuk memperbaiki dan akan sentiasa memikirkan segala manfaat kepada ahli PPUMS.
- 7.2 Presiden turut mengingatkan kepada ahli yang hadir agar dapat menghadirkan diri ke Majlis Aspirasi Pendaftar pada 5 April 2018 bertempat di Dewan Resital, UMS.
- 7.3 Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesetiaan ahli-ahli untuk bersama-sama dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-12 PPUMS.
- 7.4 Pengerusi turut mengucapkan tahniah kepada PPUMS 2017/2019 di atas kesungguhan dan memberi komitmen penuh dalam merancang aktiviti sepanjang tahun 2018.

[Makluman: Semua Ahli]

Disedhiakan oleh :



KIM ASBIYALLAH SHAH AKIM
Penolong Pendaftar
Pencatat Minit I

Tarikh : 11/4/2018

Disahkan oleh:



MUHAJIRAH BT. MUCHLIS
Timbalan Bendahari
Pengerusi MAT

Tarikh : 11/4/2018



NAJAMUDDIN BIN ABDUL BASRI
Pegawai Penyelidik
Pencatat Minit II

Tarikh : 11 / 04 / 2018